

15,902 kes positif Covid-19

Selangor kekal rekod tertinggi dengan 7,351 kes

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

SHAH ALAM

Kes baharu positif Covid-19 mencatatkan peningkatan pada Sabtu dengan 15,902 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif adalah 996,393 kes.

"Sebanyak 15,876 kes melibatkan kes tempatan manakala 12,842 kes melibatkan warganegara dan 3,034 bukan warganegara.

"Sebanyak 26 kes import dicatatkan di mana ia melibatkan tujuh warganegara dan 19 bukan warganegara," katanya menerusi kenyataan.

Beliau berkata, Selangor terus merekodkan jumlah tertinggi dengan 7,351 kes diikuti Kuala Lumpur (2,406), Kedah (867), Johor (804), Sabah (712), Melaka



Petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil sampel ketika menjalankan saringan Covid-19 terhadap peniaga dan pekerja di Pasar Besar Seremban pada Sabtu.

(631), Negeri Sembilan (625).

"Pulau Pinang merekodkan 505 kes, Kelantan (502), Perak (469), Pahang (406), Terengganu (267), Sarawak (261), Putrajaya (59), Labuan (30), Perlis (tujuh)," katanya.

Mengulas kes sembuh, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 9,471 kes dicatatkan menjadikan keseluruhan kes sembuh sebanyak 834,858 kes.

Katanya, sebanyak 950 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) manakala kes memerlukan bantuan pernafasan sebanyak 468.

"Sebanyak 184 kes kematian dicatatkan pada Sabtu di mana

ia melibatkan 157 warganegara dan 27 bukan warganegara.

"Sebanyak 184 kes kematian melibatkan 87 kes di Selangor, Kedah (17), Pahang (16), Negeri Sembilan (15), Kuala Lumpur (13), Johor (10), Sabah (lapan), Melaka (tujuh), Pulau Pinang (enam), Terengganu (tiga) dan dua kes di Sarawak," jelasnya.

Menurut Dr Noor Hisham, jumlah kluster yang ada adalah 3,418 kluster dan jumlah kluster aktif 975.

"Dalam pada itu jumlah kluster baharu mencatatkan 27 kluster dan jumlah kluster yang tamat sebanyak 2,442 kluster," katanya.

Perak perlu cukup vaksin

TANJUNG MALIM - Perak memerlukan bekalan vaksin Covid-19 yang mencukupi untuk melaksanakan vaksinasi tanpa janji temu.

Menteri Besar Perak, Datuk Saarani Mohamad berkata, kerajaan negeri bersedia melaksanakan inisiatif tersebut dengan kekuatan petugas sedia ada.

Menurutnya, sehubungan itu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi diharap mampu memberikan bekalan seperti yang diminta kerajaan negeri.

"Sebenarnya kita ada pasukan yang mencukupi. Saya melihat bagaimana situasi di dewan orang ramai yang dijadikan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Tapah dan 'outreach' dari rumah di Lenggong.

"Jika vaksin mencukupi, kita juga boleh buat seperti di Selangor supaya dapat memberi vaksin kepada lebih ramai rakyat negeri ini dengan secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas melawat Program Pusat Pemberian Vaksin Bergerak (Trailer Mobile Outreach) Daerah Batang Padang di Dewan Semai Bakti Felda Besout 1, Sungkai di sini pada Sabtu.

Mengenai Program PPV Bergerak di Felda Besout, Saarani berkata, kerajaan Perak mengalu-alukan sebarang usaha daripada semua pihak untuk membantu meningkatkan pemberian vaksin kepada rakyat di negeri ini.

Menurutnya, program itu merupakan salah satu contoh kerjasama di antara pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membantu merealisasikan usaha ini bagi mempercepatkan Perak memasuki Fasa 3 Program Vaksinasi dengan menepati salah satu nilai ambang iaitu mencapai 40 peratus vaksinasi.

"Untuk makluman, program ini merupakan kolaboratif antara Kelab Peminat Cub Prix Malaysia bersama Safe Aim Mutual Sdn Bhd dan kerajaan negeri yang melibatkan kawasan Felda Besout 1,2,3,4 dan 5.

"Ia melibatkan kira-kira 3,000 vaksin bagi dos pertama dan telah bermula sejak 22 Julai dan akan berakhir hari ini (24 Julai)," katanya.

Tambah beliau, jika program tersebut berjaya dan memberi manfaat, kerajaan negeri sedia memperluaskan ke kawasan Felda di seluruh negeri.

MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



Kategori 1
Tanpa gejala

Kategori 2
Gejala ringan

Kategori 3
Jangkitan paru-paru


Kategori 4
Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen

Kategori 5
Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 24 Julai 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

